



©SVLTAN Management. All Rights Reserved



WWW.SVLTAN.COM

#SVLTAN

ARTIST PROFILE — SAIXSE
“SINGER & RAPPER”

SVLTAN

SAIXSE





ABOUT

Memulakan perjalanan muzik ketika masih remaja lagi, nama SAIXSE telah pantas meningkat naik dan kini menjadi figura penting dalam industri muzik Malaysia. Dikenali melalui lagu hit viral 'Malampagi', penyanyi, rapper dan penulis lagu yang baru berusia 21 tahun ini bukan sahaja berjaya menambat hati peminat di Malaysia, tetapi telah mencipta fenomena di Indonesia juga.

Minat SAIXSE terhadap bidang muzik muncul sejak awal zaman remajanya lagi, apabila beliau berjaya menghasilkan lirik dan menyusun lagu sendiri sebelum usia 15 tahun. Kemudian, SAIXSE memuat turun karya-karyanya di SoundCloud sehingga berjaya mengumpul lebih setengah juta strim pada platform itu. Tidak lama selepas itu, SAIXSE mengadakan persembahan secara langsung pertamanya pada tahun 2020 dan turut melancarkan album pertamanya yang berjudul, 'XSE' pada tahun berikutnya. Album sulung beliau mendapat sambutan yang sangat hangat, dan menerima hampir 1.2 juta strim semenjak dilancarkan.

Kejayaan itu mendorongnya untuk terus bergerak ke hadapan dalam industri muzik dan SAIXSE telah mengeluarkan lagu 'Tak Percaya' bersama Kidd Santhe pada Ogos 2022. Ini diikuti dengan lagu 'Malampagi' pada penghujung tahun tersebut, serta lagu 'Love Me' pada tahun 2023. Lagu 'Malampagi' telah mendapat perhatian peminat, sehingga melonjak ke tempat pertama carta Harian Spotify Malaysia pada Jun 2023 dan mendapat jumlah strim tertinggi dengan 130,000 strim harian. Lagu ini terus melonjak naik di carta Spotify Global dan Tempatan. Ketika ini juga, lagu 'Malampagi' berjaya menduduki tempat ketiga dalam carta Recording Industry Malaysia (RIM) dan terus mendapat perhatian di Malaysia.

Selain itu, lagu 'Malampagi' juga telah mencetuskan fenomena internet untuk tema dan konsep 'healing' di mana ramai peminat menggunakan lagu tersebut untuk berkongsi kisah peribadi dalam mengatasi cabaran hidup. Atas kejayaan itu juga, SAIXSE telah melancarkan remix lagu tersebut bersama MK dari kumpulan K-Clique dan sehingga kini berjaya meraih hampir 10 juta tontonan di YouTube.

Persembahan secara langsung menjadi platform penting untuk SAIXSE bertemu dengan peminatnya dan antara persembahan beliau yang menambat lagi hati peminat adalah Konsert FYP MeleTOP, serta menjadi penyanyi pembuka bagi konsert rapper antarabangsa, Tyga di Kuala Lumpur pada tahun ini. Pengaruh SAIXSE turut melebar ke bidang fesyen juga, apabila beliau dipilih menjadi ikon kepada jenama pakaian streetwear SGV x Neonate di KLFW 2023, dan dia turut mendapat pengiktirafan dalam senarai Top 20 Majalah EH! 2023. SAIXSE juga telah dipilih menjadi salah satu wajah untuk kempen online bagi satu rangkaian makanan segera antarabangsa yang popular.

Atas dorongan dan keinginan untuk berkongsi emosi dan cerita melalui muzik, SAIXSE percaya yang muzik mempunyai kuasa dan kemampuan untuk luahkan perkara-perkara yang mungkin tidak dapat diungkap. Beliau berhasrat untuk terus berbicara dengan peminatnya yang kian bertambah melalui lagunya, dengan harapan mereka boleh merasai makna dan cerita yang ingin disampaikannya melalui liriknya.

SAIXSE kini menjadi artis naungan SVLTAN Management dan sekarang sedang bekerjasama menghasilkan album akan datang bersama Kidd Santhe serta beberapa artis antarabangsa. Biarpun SAIXSE baru sahaja mengorak langkahnya dalam industri muzik, namun anak muda ini menjanjikan karya-karya serta karier yang luar biasa.

PROJEK TERKINI



23

(with Kidd Santhe & Hvdi)



Spotify

772K+ Kali dimainkan

YouTube

502K+ Tontonan

Anak Helang

(with Ezra Kairo)



Spotify

136K+ Kali dimainkan

YouTube

318K+ Tontonan

Malampagi
(Original & Remix)

Spotify

18.4M+ Kali dimainkan

YouTube

13.8M+ Tontonan



SOCIAL MEDIA

TIK TOK

231.2K+

Genuine
Followers

INSTAGRAM

48.8K+

Genuine
Followers

YOUTUBE

63.2K+

Genuine
Followers

**Pertanyaan/
Tempahan:**

—
Nael Baredhwan
+6013-273 2132

—
nael@svltan.com